

Jumlah ketibaan pelawat pada Januari 2026 meningkat 9.27 peratus

KUCHING: Jumlah ketibaan pelawat ke Sarawak pada Januari 2026 meningkat 9.27 peratus kepada 437,677 orang berbanding 400,531 orang pada tempoh sama tahun lepas.

Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan yang juga Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak Dato Sri Abdul Karim Rahman Hamzah berkata, peningkatan itu menunjukkan permulaan yang baik bagi industri pelancongan di negeri ini tahun ini.

“Pada Januari 2026, jumlah keseluruhan pelawat yang direkodkan ialah 437,677 orang berbanding 400,531 orang pada Januari 2025, iaitu peningkatan sebanyak 9.27 peratus atau kira-kira 37,000 orang.

“Daripada jumlah itu, pelawat antarabangsa mencatatkan 247,063 orang berbanding 233,404 orang pada Januari 2025 yakni meningkat 5.85 peratus,” katanya pada sidang media di bilik media Muzium Budaya Borneo petang ini.

Beliau berkata, ketibaan pelawat domestik turut menunjukkan peningkatan ketara apabila merekodkan 190,614



MEMBERANGSANGKAN: Karim menjawab pertanyaan semasa sidang media di bilik media Muzium Budaya Borneo petang ini. — Gambar Chimon Upon

orang pada tempoh sama berbanding 167,127 orang pada Januari 2025 dengan peningkatan sebanyak 14.05 peratus atau kira-kira 23,000 orang.

Mengenai perbelanjaan pelawat, beliau berkata hasil pelancongan pada Januari 2026 dianggarkan berjumlah RM1.12 bilion berbanding RM1.03 bilion dalam tempoh sama tahun lepas, meningkat 8.83 peratus atau hampir RM100 juta.

“Apabila pelawat datang, industri hotel, makanan dan minuman, penerbangan serta sektor lain turut menerima manfaat,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata kerajaan masih mengekalkan sasaran lima juta ketibaan pelawat tahun ini walaupun terdapat cadangan untuk meningkatkan angka berkenaan.

“Kita telah meletakkan sasaran lima juta sejak 2019, namun pandemik COVID-19 menjejaskan pencapaian tersebut,” katanya sambil menambah, kementerian belum mencapai angka lima juta pelawat.

“Apabila kita berjaya mencapai lima juta, barulah kita akan mempertimbangkan sasaran baharu yang lebih tinggi,” katanya.

Beliau berkata, pelbagai inisiatif dilaksanakan kerajaan termasuk penganjuran acara sukan, industri kreatif dan persembahan seni bagi merancakkan sektor pelancongan.

“Insya-Allah, berdasarkan petunjuk Januari yang positif ini, jika momentum dapat dikekalkan sehingga November kita yakin sasaran lima juta pelawat dapat dicapai tahun ini,” katanya.